

Headline	Sang Saka Biru terus perkemas cengkaman di puncak Liga Perdana		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	16 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	22,425
Page No	21	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	154 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 308
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 924



## Sang Saka Biru terus perkemas cengkaman di puncak Liga Perdana

KUALA LUMPUR: Polis Diraja Malaysia (PDRM) terus memperkukuh cengkaman di puncak Liga Perdana selepas mengalahkan Johor Darul Ta'zim II, 1-0 di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

PDRM kini mengumpul 35 mata dengan kelebihan enam mata di hadapan pencabar utama Pulau Pinang yang menduduki tangga kedua selepas 13 perlawanan.

Pemain tengah skuad Sang Saka Biru, Ahmad Ezrie Shafizie Sazali menjadi wira pasukan apabila berjaya meledakkan gol kemenangan selepas 84 minit beraksi.

Pasukan Pulau Pinang kekal di tangga kedua carta liga selepas mengalahkan Sabah 3-1 di Stadium Bandaraya, Pulau Pinang.

Tiga gol pasukan tuan rumah dijangkan Muhamad Zamri Chin pada minit ke-52, Buengo Andre Titi (minit ke-65) dan

Lee Gil Hoon (minit ke-71), manakala gol sagu hati Sabah disumbangkan Andre Reinaldo (minit ke-37).

Kedah berpesta gol selepas membelasah Perlis 6-1 di Stadium Darul Aman, Alor Setar.

Gol skuad 'Hijau Kuning' dijangkan Billy Mehmet Osman pada minit ke-10 dan ke-16, Mohd Faizal Abu Bakar (minit ke-33), Adam Griffiths (minit ke-45) dan kapten pasukan Baddrol Baktiar pada minit ke-46.

Kesilapan barisan pertahanan Perlis mengundang padah kepada pasukan Singa Utara itu apabila Mohd Amri Fazal Mat Nor menjaringkan gol sendiri pada minit ke-50, manakala gol sagu hati Perlis disumbangkan Dao Bakary pada minit ke-81.

Turut mengutip tiga mata penuh pada aksi Liga Perdana Isnin lalu ialah Felda United setelah mengalahkan Per-

badanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) 2-1 di Stadium Bandaraya, Pulau Pinang.

Felda United memperoleh gol sulung pada minit ke-16 hasil jaringan Edward Junior Wilson sebelum Makeche Ndumba menggandakan jaringan pada minit ke-58, manakala gol PBAPP disumbangkan oleh Mohd Faiz Mohd Nasir pada minit ke-71.

Di Stadium Hang Jebat, Krubong, Melaka, pasukan Negeri Sembilan mengalahkan DRB-Hicom 3-1.

Gol Negeri Sembilan dijangkan Kim Jin Ryong pada minit ke-33, S.Sivanesan (minit ke-37) dan Jozef Kaplan (minit ke-55), manakala gol pasukan DRB-Hicom disumbangkan Ashadi Mohd Yusoff (minit ke-45).

Sementara itu, UiTM FC mengalahkan SPA Putrajaya 2-1 di Stadium UiTM, Shah Alam. -Bername